



MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN NAIKTARAF LANDSKAP
KLINIK *CURE AND CARE* BUKIT MERTAJAM

TARIKH / MASA / TEMPAT

07 OGOS 2018 (SELASA)
9.30 PAGI

**KLINIK *CURE AND CARE* BUKIT MERTAJAM
JALAN KAMPUNG BARU
BUKIT MERTAJAM**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Berusaha Tuan Mohd Azlan Bin Mohd Nor

Pengarah Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) Negeri Pulau Pinang
Kementerian Dalam Negeri

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berbahagia Dato' Lim Chee Cheng

Pengerusi Lembaga Pelawat
Klinik *Cure and Care* Bukit Mertajam

Yang Berusaha Puan Ir. Hjh Rosnani Binti Hj Mahmod

Setiausaha Perbandaran
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Puan Elmariah Chung

Pengarah
Klinik *Cure and Care* Bukit Mertajam

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Kakitangan dan Pelanggan

Klinik *Cure and Care* Bukit Mertajam

Rakan - Rakan Media

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur kehadiran Allah S.W.T. kerana dengan izinnya dapat kita bersama-sama hadir pada hari ini di Majlis Perasmian Naiktaraf Landskap Klinik *Cure and Care* Bukit Mertajam.

Saya ingin rakamkan jutaan terima kasih kepada Yang Berusaha Tuan Mohd Azlan Bin Mohd Nor, Pengarah AADK Negeri Pulau Pinang, Yang Berbahagia Dato' Lim Chee Cheng, Pengerusi Lembaga Pelawat Klinik *Cure and Care* Bukit Mertajam, Puan Elmariah Chung, Pengarah Klinik *Cure and Care* Bukit Mertajam, Ahli-Ahli Majlis MPSP dan para hadirin sekalian kerana sudi hadir untuk menjayakan majlis perasmian pada pagi ini.

Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), terutamanya Klinik *Cure and Care* Bukit Mertajam yang menyokong program *smart partnership* antara Klinik *Cure and Care* Bukit Mertajam dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).

MPSP menggunakan pendekatan kreatif untuk *unlocking the power of partnership* melalui pendekatan 7Ps (*People, Public, Private, Philanthropy, Philosopher, Planet Partnership*). Dengan pendekatan *people and public*

partnership, MPSP telah berjaya menjalin kerjasama dengan Klinik Cure & Care Bukit Mertajam dalam penerapan latihan dalam bidang landskap dan penjagaan anak benih pokok kepada pelanggan Klinik *Cure and Care*.

**Yang Berbahagia Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati
Sekalian;**

Klinik *Cure and Care* Bukit Mertajam adalah satu fasiliti kerajaan yang terbuka di bawah pengurusan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) yang menawarkan program atau perkhidmatan rawatan dan pemulihan terhadap permasalahan dadah yang dijalankan secara *open access service* dan bersifat sukarela. Tiada sebarang pra-syarat yang dikenakan terhadap pelanggan dan tiada sebarang bayaran yang dikenakan kepada pelanggan. Pelanggan di sini bermaksud penagih, pengguna dan penyalahguna dadah.

MPSP telah menunjukkan minat untuk meningkatkan jalinan kerjasama (*smart partnership*) dengan Klinik *Cure and Care* Bukit Mertajam melalui penawaran perkhidmatan dalam aspek:-

- i. Menaiktaraf landskap dan keceriaan persekitaran agar menjadi menarik, kondusif, mesra alam dan mesra pengunjung dalam pelaksanaan program pemulihan dadah; dan

- ii. Memberi pendedahan dan latihan kepada pelanggan dalam bidang landskap, *upcycle*, penghasilan kompos dan penjagaan anak benih pokok.

Pelbagai program telah dilaksanakan sejak November 2017 lagi dan kesemua program ini dilaksanakan dengan penglibatan penuh pelanggan-pelanggan Klinik *Cure & Care* Bukit Mertajam. Seramai 30 orang pelanggan terlibat dalam program-program bersama MPSP. Program-program yang telah dan sedang dilaksanakan adalah:-

- i. Program Latihan *Upcycle* di mana pelanggan-pelanggan dilatih untuk menghasilkan barangan bernilai seperti *shopping bag* daripada barangan terbuang seperti *banner / bunting* dan plastik pembungkus.
- ii. Latihan Penghasilan Baja Kompos yang telah dimulakan sejak Januari 2018 di mana sebanyak 15 hingga 18 kg sisa dapur dikumpul tiap-tiap hari dan diproses untuk dijadikan kompos.
- iii. Program Rumah Hijau di mana MPSP telah memberikan sebanyak 800 anak benih pokok Golden Penda dan

memberikan latihan vokasional kepada para pelanggan mengenai penjagaan anak pokok seperti penyiraman air, pembajaan dan merumput.

- iv. Projek naiktaraf landskap di dalam premis seperti di pintu masuk ke Klinik *Cure and Care* di mana pelanggan diberikan latihan kemahiran dan vokasional dalam bidang landskap.

**Yang Berbahagia Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati
Sekalian;**

MPSP komited untuk terus menjalin kerjasama dengan Klinik *Cure and Care* dan berhasrat untuk menandatangani satu Memorandum Persefahaman (MoU) dalam masa terdekat. MoU ini akan bertindak sebagai pemudahcara ke arah usahasama dalam membentuk bandar rendah karbon di samping mengeratkan hubungan dalam komuniti.

Dengan termeterainya MoU ini, maka MPSP dan Klinik *Cure and Care* Bukit Mertajam komited untuk bekerjasama dalam penyediaan tapak semaian, menyediakan tenaga kerja, menyediakan medium penanaman (tanah & baja), memberikan latihan vokasional untuk tanaman pokok. Selain itu, *smart partnership* atau perkongsian pintar akan dijalin dalam

bidang anyaman dari bahan terpakai untuk program 'upcycle'.

MPSP komited dalam memastikan setiap program yang dianjurkan memberi impak yang positif dan ianya mendapat sambutan yang menggalakkan serta menerapkan nilai gaya hidup yang lebih aktif dan sihat kepada penduduk Seberang Perai.

Diharapkan dengan program seperti ini dapat merealisasikan motto Negeri Pulau Pinang dalam menjadikan Pulau Pinang sebagai "*Cleaner, Greener, Safer and Healthier Penang*" sejajar dengan *tagline* MPSP iaitu "***Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan***" atau "***Seberang Perai Aspiring City of Tomorrow***".

**Yang Berbahagia Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati
Sekalian;**

Baru-baru ini pada 28 Julai 2018, MPSP menyambut sambutan Hari Majlis MPSP yang ke-44. MPSP mempunyai azam baru untuk menjadikan ***Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandar Pintar Dipacu oleh Teknologi***. Visi ini dapat dicapai sekiranya MPSP dapat menyediakan perkhidmatan perbandaran, perancangan pembangunan dan infrastruktur yang cekap, berkesan dan responsif kepada kehendak

komuniti Seberang Perai.

Dengan adanya visi dan misi yang jelas, saya yakin Seberang Perai akan dapat menjadi *Low Carbon City* dan *Smart City* menjelang tahun 2022. Saya amat yakin *Low Carbon City* dan *Smart City* boleh dicapai kerana ianya menguntungkan rakyat. *Low Carbon City* atau Bandaraya Rendah Karbon bukan sahaja memberi manfaat kepada alam sekitar malahan ianya boleh menjana ekonomi serta meningkatkan taraf hidup penduduk Seberang Perai. Dengan menjadikan Seberang Perai sebuah Bandaraya Rendah Karbon, secara tidak langsung, penduduk Seberang Perai akan mendapat faedah secara langsung dengan penjimatan sebanyak RM23 bilion secara kolektif sehingga 2022.

Penjimatan perbelanjaan penduduk Seberang Perai boleh digunakan untuk berbelanja atau membuat tabungan. Oleh itu, wawasan untuk mencapai *Low Carbon City* dan *Smart City* bukan sahaja memberi manfaat kepada alam sekitar malahan ianya boleh menjana ekonomi serta meningkatkan taraf hidup penduduk Seberang Perai. Sokongan dan penglibatan rakyat adalah amat diperlukan bagi menjadikan Seberang Perai Bandaraya Rendah Karbon pada tahun 2022.

Penekanan untuk mencapai *Low Carbon City* adalah dengan

menetapkan sasaran untuk mencapai kadar kitar semula sebanyak 70% dan beratan sampah ke tapak pelupusan sampah dikurangkan sehingga 50% pada tahun 2022 dalam Pelan Strategi Seberang Perai 2018 – 2022. Kadar sampah yang dihasil perkapita didapati berkurang daripada 1.6kg/orang/hari pada tahun 2016 kepada 1.09kg/orang/hari pada tahun 2017 dan disasarkan terus berkurangan kepada 0.8kg/orang/hari pada tahun 2022.

**Yang Berbahagia Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati
Sekalian;**

Dalam menyokong pencapaian *Low Carbon City* (Bandar Rendah Karbon) dan *Smart City* (Bandar Pintar) menjelang tahun 2022, MPSP bersama Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim telah menerokai satu evolusi *upcycle* dengan menerapkan nilai seni, budaya dan kreativiti yang tinggi untuk mewujudkan *Local Economic Development* (LED).

Yang dimaksudkan di sini adalah penghasilan Mural 3D di Menara MPSP menggunakan konsep "*Re-Imagining Wastes as Resources*" di mana mural yang akan dihasilkan menggunakan penutup botol minuman yang dibuang. Mural 3D ini adalah berdasarkan gambar-gambar pemandangan di Seberang Perai yang dipilih yang akan dihasilkan, menggabungkan secara

praktikal penggunaan barang buangan (iaitu penutup botol minuman) yang digunapakai untuk menghasilkan sesuatu yang amat kreatif dan memberi impak visual kepada pengunjung-pengunjung yang datang ke Menara MPSP.

Program Projek penyediaan mural 3D ini akan mula dilaksanakan pada 21 hingga 23 September 2018. Secara keseluruhannya pelaksanaan program ini melibatkan kos sebanyak RM40,000.00. Untuk menjayakan program membuat Mural 3D ini, sekurang-kurangnya 71,000 unit penutup botol perlu dikumpulkan dan amat memerlukan bantuan sukarelawan bagi program pengutipan dan pengumpulan tudung botol minuman. Program pengutipan dan penyediaan Mural 3D ini akan dicadangkan untuk dimasukkan ke dalam *Malaysia Book of Records*. Oleh itu, saya menyeru pihak Klinik *Cure and Care* Bukit Mertajam untuk mendaftar sebagai sukarela dalam program pengutipan penutup botol minuman ini. Pendaftaran boleh dibuat dengan mendapatkan borang pendaftaran melalui laman web www.mpsp.gov.my.

**Yang Berbahagia Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati
Sekalian;**

Sekali lagi, terima kasih kepada Yang Berusaha Tuan Mohd Azlan Bin

Mohd Nor, Pengarah AADK Negeri Pulau Pinang, Yang Berbahagia Dato' Lim Chee Cheng, Pengerusi Lembaga Pelawat Klinik *Cure and Care* Bukit Mertajam, Puan Elmariah Chung, Pengarah Klinik *Cure and Care* Bukit Mertajam, warga kerja MPSP dan Klinik *Cure and Care* Bukit Mertajam serta para pelanggan dan para hadirin sekalian yang hadir memberikan sokongan penuh ke atas program MPSP ini.

Sebagai mengakhiri kata-kata, dengan lafaz BISMILLAH saya dengan ini merasmikan Naiktaraf Landskap Klinik *Cure and Care* Bukit Mertajam.

Sekian,

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi

Wabarakatuh.

Terima kasih.